

27 FEB 1997

Anwar-Putrajaya

ANWAR PUAS HATI PEMBANGUNAN PUTRAJAYA LANCAR

KUALA LUMPUR, 27 Feb (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berpuas hati pembangunan pusat pentadbiran baru kerajaan persekutuan di Putrajaya kira-kira 35 km dari sini berjalan lancar tanpa membebankan kewangan kerajaan.

"Pembangunan komprehensif ini berjalan lancar kerana pemajunya berjaya mengumpulkan dana sendiri dengan kekuatan hartanah yang ada dan menggunakan strategi untuk mendapatkan dana dari masyarakat awam," katanya kepada pemberita selepas meninjau perkembangan pembangunan Putrajaya.

Projek bernilai RM20,000 juta itu yang terletak dalam Koridor Raya Multimedia dimajukan oleh Putrajaya Holdings Sdn Bhd yang merupakan syarikat milik kerajaan.

Anwar menolak dakwaan sesetengah pihak khususnya media antarabangsa kononnya kerajaan lebih mementingkan pembangunan Lapangan Terbang Kuala Lumpur di Sepang hingga menenggelamkan pembangunan Putrajaya.

"KLIA sudah dimulakan pembangunannya lima tahun dahulu dan kita tidak boleh menyamakan pembangunan Putrajaya dengan projek besar yang dilaksanakan oleh syarikat swasta lain," katanya.

Beliau berkata setelah selesai semua masalah dalam membangunkan KLIA, kerajaan kini menumpukan pada Putrajaya yang mengambil masa perancangan yang panjang kerana melibatkan pembangunan lebih menyeluruh dan teratur.

Beliau juga menyangkal dakwaan sesetengah pihak bahawa dalam pembangunan Koridor Raya Multimedia, kerajaan hanya menumpukan dalam pembangunan Putrajaya dan Jabatan Perdana Menteri sahaja di sana.

Katanya JPM diperlukan di Putrajaya memandangkan ia adalah pusat bagi pentadbiran kerajaan persekutuan.

Bagi membiayai pembangunan projek berkenaan setelah memasuki pasaran bon, ada kemungkinan syarikat-syarikat yang terlibat disenaraikan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur.

Anwar berkata butir-butir mengenai sembilan pakej kewangan yang terlibat bagi projek itu akan dihuraikan kelak.

Beliau memuji Putrajaya Holdings kerana di samping berjaya membina sebuah bandar moden dan raksasa yang unik dengan infrastruktur asas seperti perumahan, pendidikan dan kesihatan, ia juga mengambil berat pemeliharaan kawasan paya dan pokok-pokok lama.

"Pembinaan Putrajaya adalah penting untuk menjadi sebuah kota raya yang istimewa dalam satu jangka masa panjang seperti yang sering ditekankan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana keseluruhan projek itu melibatkan pembangunan Koridor Raya Multimedia," katanya.

Anwar berpuas hati kerana pembangunan Putrajaya berjalan pesat dan lancar mengikut jadual yang ditetapkan.

Fasa 1A yang mengandungi blok-blok utama termasuk pejabat Perdana Menteri sudah bermula dan dijangka siap tahun depan.

Ditanya sama ada terdapat sebarang masalah yang dihadapi, Anwar berkata: "Tidak ada masalah besar yang serius, kecuali hujan yang turun lebih di tapak projek." -- BERNAMA

ZAB NI NMO MAI